

Tiga tukang masak ditahan proses, jual pil khayal bernilai RM6 juta

Makmal dadah terbesar digempur

KOSMO 03/06/2010 M/S 5

Oleh NUR AISHAH AMIN
nuraisah.amin@kosmo.com.my

KAJANG - Rahsia tiga lelaki tempatan yang mengaku sebagai tukang masak sebuah restoran makanan laut yang mampu menyewa rumah banglo di Country Heights di sini terbongkar apabila mereka sebenarnya dalang sindiket pengedaran dadah terbesar di sini.

Tembelang ketiga-tiga suspek yang berusia 30-an pecah apabila mereka ditahan dalam serbuan di sebuah rumah banglo itu pada pukul 11.30 malam Ahad lalu.

Susulan penahanan itu, polis kemudian menyerbu sebuah apartmen yang dijadikan makmal untuk memproses dadah di Jalan Semenyih.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd. Shakaruddin Che Mood berkata, dalam serbuan di Country Height, polis merampas 4.5 gram ketamin, 40 gram syabu dan sepucuk pistol.

Polis juga menemui 42 butir peluru dan merampas sebuah kereta Ford dan Toyota Alphard di rumah banglo ter-



SEBAHAGIAN dadah yang dirampas di Apartmen Anggerik Villa di Jalan Semenyih, Kajang Ahad lalu.

sebut.

"Susulan itu, polis menyerbu apartmen Anggerik Villa yang dijadikan tempat untuk memproses dadah," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, di apartmen itu polis menemui pelbagai jenis dadah dan bahan kimia serta alat-alat memproses dadah.

Antara yang dirampas di makmal itu ialah sebanyak 27 kilogram serbuk disyaki da-

dah, 12 kilogram syabu, 12 kilogram ketamin dan 13 kilogram serbuk ekstasi.

"Kesemua dadah dan bahan-bahan untuk memproses dadah dipercayai diimport dari negara luar," katanya.

Shakaruddin memberitahu, polis percaya ketiga-tiga suspek tersebut baru aktif dalam kegiatan haram itu dan mereka mempunyai rangkaian dengan sindiket dadah antarabangsa.

Turut dirampas di makmal

itu ialah sejumlah kad kredit, buku simpanan bank, komputer riba, ketuahr dan wang tunai berjumlah RM2,000.

"Kesemua barangan yang dirampas di rumah di Country-Height dan apartmen itu dianggarkan bernilai RM6 juta," kata beliau.


Ketiga-tiga suspek kini ditahan reman sehingga 6 Jun ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Shakaruddin memberitahu, dadah-dadah yang dihasilkan oleh ketiga-tiga lelaki itu dipercayai diedarkan di Lembah Klang.

Polis masih menyiasat latar belakang ketiga-tiga suspek itu termasuk dakwaan mereka bekerja sebagai tukang masak.

Pada 18 Mei, polis menahan sepasang kekasih yang merupakan tukang masak dipercayai pengedar dadah terbesar di Kajang selepas menyerbu sebuah rumah di Damai Perdana, Cheras.

Bersama pasangan itu polis antara lain polis merampas 11,690 biji ekstasi, ketamin 360 gram dan syabu lapan gram.



SEBUAH unit di Apartmen Anggerik Villa yang dijadikan makmal dadah terbesar di Kajang.